

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (PRASARANA)

TARIKH: 18 OGOS 2017

MUKA SURAT: 18

Kerajaan cadang tambah projek PPA1M



Ali (tiga dari kanan) menyerahkan kunci rumah kepada pemilik unit projek PPA1M Aspen Taman Kuantan Jaya, Kuantan, semalam.

Kuantan: Kerajaan bercadang membina lebih daripada 200,000 unit Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) berikutan permintaan diterima melebihi jumlah unit disediakan ketika ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata setakat ini, Unit PPA1M menerima lebih 300,000 permohonan daripada penjawat awam di seluruh negara, yang berminat memiliki kediaman melalui projek itu.

"Kalau ikut sasaran awal, kerajaan akan bina 200,000 unit PPA1M menjelang 2020, namun berdasarkan perkembangan semasa dan permintaan (permohonan) diterima juga tinggi, kita tidak menolak kemungkinan untuk membina lebih banyak PPA1M di seluruh negara berbanding jumlah sasaran asal.

"Buat masa ini, kita sudah dan sedang melaksanakan 333 projek PPA1M membabitkan 126,105 unit.

Semuanya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Ini adalah usaha kita (kerajaan) menjamin kebajikan penjawat awam.

Bina 4,629 unit di Pahang

"Bagi negeri Pahang sahaja, kita mendapat kelulusan untuk membina 4,629 unit, termasuk 197 unit yang sudah siap dan pemiliknya menerima kunci masing-masing hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Aspen, Taman Kuantan Jaya, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Adenland (Kuantan) Sdn Bhd, Nicholas Chang.

Projek dilaksanakan syarikat Adenland itu siap enam bulan lebih awal daripada tarikh jangkaan siap ditetapkan membabitkan kawasan seluas 10.9 hektar.